

Headline	Teroka rahsia alam di TER Kledang Saiong		
MediaTitle	Berita Harian Ahad		
Date	08 Aug 2021	Color	Full Color
Section	Perspektif	Circulation	56,027
Page No	37	Readership	168,081
Language	Malay	ArticleSize	849 cm ²
Journalist	Mahani Ishak	AdValue	MYR 28,113
Frequency	Daily	PR Value	MYR 84,339



Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

Tak kenal maka tak cinta! Itu ungkapan tepat menggambarkan kepuasan menyoroti kehijauan alam yang masih tersergam indah di depan mata.

Menghayati kekayaan warisan ekopelancongan daerah di Perak, benar-benar mengagumkan, apatah lagi lokasi Taman Ekorimba (TER) Kledang Saiong tidak jauh dari pusat bandar Meru, Ipoh.

Faktor itu juga menjadi daya penarik warga kota untuk melakukan aktiviti rekreasi seperti menjelajah hutan, berkelah dan mandi sungai selain menghayati keunikan Taman Nepenthes (periuik kera) kerana mempunyai 77 spesies yang dikumpulkan dari seluruh negara.

Biarpun ketika itu penulis mengunjungi Perak kerana mengikuti Program Eksplorasi EkoPelancongan Sumber Asli Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) yang dianjurkan dari ibu negara, ia benar-benar memberi peluang menimba pengalaman baharu terutama mempelajari mengenali spesies pokok daripada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) Perak.

lolokan 'must visit place'

Taman terletak dalam Hutan Kledang Saiong ini hanya lima kilometer dari bandar raya Ipoh, adalah hutan jenis Dipterokarpa Bukit yang dibuka pertama antara 7 pagi hingga 6 petang.

Sering diberi lolokan 'must visit place' Perak lokasi ini menjadi tarikan tersendiri dengan kesesuaian aktiviti merentas hutan, dan denai digital sejauh 1.8 kilometer.

Paling menarik, hampir kebanyakan pokok di sepanjang denai ini mempunyai plat kod QR, boleh diimbas menggunakan telefon pintar.

Ini membuatkan aktiviti trekking lebih bermaklumat terutama mengenai spesies pokok, boleh diperolehi dengan mengimbas kod QR terbabit.

Biarpun hanya meluangkan masa kurang daripada dua jam, penulis sempat menyertai aktiviti merentas hutan, melihat beberapa pengunjung yang mendaki bukit dengan menunggang basikal.

Aktiviti itu mungkin asing berikutan kebiasaan riadah berbasikal selalunya dilakukan di trek atau jalan raya berbanding meredah belukar yang mempunyai banyak halangan, pokok renek dan berstruktur tanah licin.

Lepas qian berbasikal

Rupa-rupanya 'trek' itu yang didambakan untuk 'melompat' basikal, iaitu menuruni cerun hutan simpan demi melepasi halangan demi halangan ketika berbasikal.

Pada mulanya penulis terkejut apabila mendengar sayup-sayup suara orang dan bunyi putaran roda basikal ditunggang laju, tetapi itulah sebenarnya cara kumpulan berbasikal 'downhill bike'.

Misalnya dua rakan yang berkongsi minat sama bermain 'downhill bike', iaitu Simon Yong, 43, dan Noor Azli Salleh, 38, cuba mengatur rutin bulanan memasuki Hutan Simpan Kledang Saiong untuk melepaskan 'gian' berbasikal dalam hutan.

Mereka yang mempunyai kumpulan basikal Gravity, menjadikan TER Kledang Saiong sebagai 'port' untuk aktiviti itu kerana terdapat laluan basi-

Teroka rahsia alam di TER Kledang Saiong

Aktiviti berbasikal, kenali lebih dekat 77 spesies periuik kera antara tarikan



info

TER Kledang Saiong

- Terletak terletak di daerah Kinta, Manjung
- Waktu operasi : 8 pagi - 5 petang
- Bayaran masuk : RM2 (dewasa), RM1 (kanak-kanak)
- Bayaran masuk (Taman Nepenthes): RM2 (dewasa), RM1 (kanak-kanak)



kal bagi menguji kekuatan fizikal dan kemahiran berbasikal di tengah hutan terbuka.

"Aktiviti 'downhill bike' ini sangat popular di Kuala Lumpur (Bukit Kiara), Putrajaya (Presint 5) dan Shah Alam.

"Di Perak tidak banyak tempat sesuai membuatkan ramai terpaksa mengayuh di jalan raya. Kumpulan kami jadikan lokasi ini 'port' sejak lima tahun lalu.

"Dulu nak masuk sini perlukan permit bulanan, sejak tiga tahun lalu selepas Jabatan Perhutanan Perak mewartakan sebagai hutan terbuka, kami selalu datang hampir dua tiga seminggu untuk menguji kemahiran," katanya.

Ketenzahirkan ekopelancongan

Sementara itu, negara ini yang terkenal dengan megadiversiti pelbagai spesies flora dan fauna, sejarah, kebudayaan



Pengunjung juga boleh melakukan aktiviti mendaki di Bukit Kledang.



Aktiviti beriadah berbasikal 'downhill bike' di Taman Ekorimba Kledang Saiong (Foto Rohanis Shukri/BH)



serta pelbagai produk tempatan sebagai pakej lengkap kepada ekopelancongan.

Justeru, warisan itu tidak wajar dipersiakan dan harus digunakan sebaik mungkin dengan mengetengahkan pelbagai produk ekopelancongan, sekali gus boleh menambah pendapatan penduduk setempat serta negara.

Justeru, KeTSA merangka beberapa program memperkasakan aktiviti ekopelancongan diselia Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara serta Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia.

Menurut Setiausaha Bahagian Perancangan Strategi dan Antarabangsa KeTSA, Khairulnizam Hashim, pihaknya memandang serius potensi ekopelancongan negara dan pelbagai usaha akan dilakukan dari semasa ke semasa ke arah mencapai matlamat itu.

Katanya, buat julung-julung kali, kami mengadakan Eksplorasi Ekopelancongan KeTSA Bersama Media ke Perak, baru-baru ini, bertujuan mengetengahkan Lenggong Geopark sebagai geopark kebangsaan kedua di Perak.